

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan warisan makanan tradisional di Malaysia**. Panjang huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

WARISAN MAKANAN TRADISIONAL

- | | | |
|--------|---|---|
| Aziz | : | Sekarang, makanan seperti Kentucky Fried Chicken (KFC), McDonald, Sugar Bun, Pizza Hut, dan sebagainya, sedang menguasai menu makanan anak-anak muda kita. |
| Jarjit | : | Sepatutnya, makanan tradisional harus dikekalkan untuk generasi pada masa akan datang . |
| Aziz | : | Setiap kaum di Malaysia mempunyai makanan tradisinya yang tersendiri. Dengan adanya makanan tradisional ini, pelancong asing akan mengenali budaya negara kita dengan lebih dekat. |
| Susan | : | Pengekalan makanan tradisional ini juga dapat merangsang industri pengeluaran makanan tradisional secara komersial. |
| Jarjit | : | Maknanya, imej negara kita juga meningkat, ya Aziz. |
| Aziz | : | Tepat sekali. |

Bahagian B**[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Setiap murid perlu menghormati dan menghargai jasa guru di sekolah.

Huraikan pendapat anda dalam usaha menghargai jasa guru di sekolah.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam usaha menggalakkan anak-anak mementingkan keindahan dan kebersihan alam sekitar.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menjaga keindahan dan kebersihan alam sekitar.

3. Andaikan anda seorang pemberita. Anda ditugaskan mewawancara seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tentang usaha menangani gejala rasuah dalam kalangan masyarakat.

Tuliskan wawancara tersebut selengkapnya.

4. Malaysia sentiasa mengadakan hubungan antarabangsa dengan negara-negara luar dalam pelbagai bidang. Usaha ini sememangnya mendatangkan impak yang baik ke arah pembangunan negara.

Huraikan faedah yang diperoleh negara-negara di dunia melalui kerjasama ekonomi serantau.

5. Peribahasa melayu ada menyebut seperti melukut di tepi gantang. Peribahasa ini memberi gambaran bahawa keadaan hidup seseorang yang tidak dipedulikan.

Huraikan persediaan yang perlu dilakukan agar anda dihargai oleh masyarakat.